

REKABENTUK DAN POLA BAJU KURUNG MELAYU DI MALAYSIA



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

**HASMA AHMAD
RAFEAH LEGINO
NORIZAN SAJAR**

APRIL 2007

REKABENTUK DAN POLA BAJU KURUNG MELAYU DI MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :

**HASMA AHMAD
RAFEAH LEGINO
NORIZAN SAJAR**

APRIL 2007

Tarikh : 30 April 2007
No. Fail Projek : 600-IRDC/SSP. 5/3/1776

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam


Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “REKABENTUK DAN POLA BAJU
KURUNG MELAYU DI MALAYSIA”**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk Rekabentuk dan Pola Baju Kurung Melayu Di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



HASMA AHMAD
Ketua
Projek Penyelidikan

PENGENALAN

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang bangsa, kaum, agama dan kaya dengan jalinan kebudayaan yang pelbagai. Ini telah mewujudkan berjenis-jenis rekaan pakaian tradisional mengikut kepercayaan masing-masing. Bersesuaian dengan tamadun dunia kini yang telah menobatkan pakaian tradisional sebagai pakaian kebangsaan kebanggaan diri. Pakaian tradisional ini dipakai secara terus menerus ketika majlis dan adat istiadat, temasya dan keramaian, untuk meraikan sesuatu peristiwa di dalam sesebuah masyarakat. Terdapat beberapa jenis pakaian tradisional yang dianggap sebagai pakaian kebangsaan, di dalam erti kata lain pakaian ini dipakai di merata tanah air oleh pelbagai kaum dan suku kaum.

Di dalam masyarakat Melayu terdapat pakaian tradisional utama dan penting yang masih terus dipakai sehingga ke hari ini. Baju Kurung Teluk Belanga, Baju Kurung Cekak Musang dan Baju Kebaya Labuh yang mempunyai sifat yang sama iaitu labuh sekurang-kurangnya bajunya sampai ke paras lutut. Sifat ini bersesuaian dengan kehalusan dalam budaya Melayu kita iaitu, pakaian yang indah, halus dan santun itu ialah pakaian yang labuh. Oleh yang demikian, pakaian seperti ini juga sesuai dikenakan bagi menghadiri majlis-majlis formal. Manakala baju yang pendek dan singkat seperti Baju Kurung Kedah dan Kebaya Pendek agak kurang sesuai digayakan untuk ke majlis-majlis formal terutamanya ke istana raja. Pakaian tradisional orang Melayu kini juga bergerak seiring dengan peredaran dan perkembangan pakaian orang dahulu kala melalui proses ubah ansur. Namun begitu, pakaian tradisional Melayu masih teguh keutuhan dan ketahanan walaupun dilanda arus perkembangan fesyen

gaya barat. Antara pakaian wanita yang masih popular termasuklah Baju Kurung, Baju Kurung Kedah, Baju Kebaya, Kebaya Panjang dan Baju Kebaya Pendek.

Seiring dengan perkembangan industri dunia fesyen masa kini, pakaian tradisional turut mengalami perubahan rekabentuk asal pakaian tersebut. Perubahan ini dapat dilihat dengan jelas daripada pola pakaian bagi setiap potongan rekabentuk pakaian tersebut. Rekabentuk pakaian ini turut diubahsuai dengan pelbagai cara dan pengayaannya untuk dikomersialkan mengikut kehendak dan permintaan pasaran masa kini.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengetahui keadaan dan perubahan semasa rekabentuk pakaian Melayu tradisional. Kajian ini telah memilih Baju Kurung Melayu yang merupakan pakaian rasmi diri sebagai bahan kajian. Perubahan ini bukan sahaja dapat dinilai dari segi pengayaan tetapi juga perubahan pola yang mempengaruhi potongan asal baju tersebut. Keindahan dan keaslian baju kurung tradisional ini adalah amat perlu dipertahankan kerana pakaian tersebut merupakan antara aset bernilai orang Melayu di Malaysia.